Paras bunyi ambien sediada adalah dalam paras dibenarkan siang hari 55dB(A) dan 4 daripada 5 lokasi pengawasan melebihi paras dibenarkan malam hari 45 dB(A) untuk guna tanah pinggir bandar. Bagaimanapun, adalah jelas bahawa paras bunyi ambien sediada di sekeliling sempadan tapak Projek adalah di bawah paras bunyi maksimum dibenarkan untuk guna tanah industri dikhaskan iaitu 70 dB(A)-siang hari dan 60dB(A)-malam hari, masing-masing. Ini menunjukkan paras bunyi ambien tidak secara ketara menyumbang kepada peningkatan dalam paras bunyi apabila Projek bermula.

GEGARAN BUMI

Paras gegaran tanah sediada yang diukur di Kg. Changkat Legong serta dua lokasi yang berada di dalam kawasan Projek merekodkan bacaan dari 0.024 ke 0.549 mm/s. Ini menujukkan bahawa paras gegaran tanah sediada di lokasi-lokasi ini adalah lebih rendah daripada tahap keselamatan keseluruhan, 3 mm/s yang dicadangkan oleh DOE bagi risiko kerosakan dalam bangunan terhadap gegaran keadaan tetap (*steady state vibration*), 3 mm/s. Analysa respon manusia dan gangguan turut menunjukkan bahawa persekitaran sediada adalah berada di dalam lingkugan paras selesa manusia.

5.6 Gunatanah

Peninjauan ke atas guna tanah semasa dalam lingkungan 5 km jejari dari sempadan tapak kajian dan pengesahan terhadap informasi yang didapati dari JPBD, Ipoh telah dilakukan. Dalam lingkungan 1 km jejari dari tapak kajian, guna tanah yang dominan adalah Belukar (30.8%), diikuti dengan

pertanian (28.7%), badan air (23.6%), dan lain-lain. Dari 1 ke 3 km jejari dari tapak kajian, guna tanah yang dominan adalah Belukar (37%), diikuti dengan pertanian (28.2%), badan air (16.8%) dan lain-lain. Untuk 3 ke 5 km jejari pula, kategori yang dominan adalah Belukar (26.6%), diikuti dengan pertanian (23%), infrastruktur dan utiliti (13.7%) dan lain-lain.

Kawasan perumahan yang terdekat adalah Kg. Changkat Legong yang terletak kira-kira 700 m dari sempadan tapak kajian. Dalam lingkungan 1 ke 3 km jejari dari tapak kajian, terdapat beberapa buah institusi dan perumahan. Kota Bharu dan Kg. Lalang yang terletak di sebelah barat laut dari tapak kajian. Di sebelah tenggara dari tapak kajian, terletak pula Kg. Pulau Pisang dan Kg. Tebing Tinggi Batu Dua manakala di sebelah selatan pula, terletak Kg. Seri Malim dan kawasan perumahan Malim Nawar. Lombong pasir beroperasi dalam lingkungan 1 km jejari dari tapak kajian dan 2 lombong bijih beroperasi di sebelah tenggara dari tapak Projek dalam lingkungan 3 ke 5 km jejari.

5.7 Persekitaran Biologi

FLORA TERRESTRIAL

Tapak Projek ini terletak di dalam tapak bekas perlombongan hasil penjanaan semula yang dilitupi oleh tanah rendah hutan yang bercerun rendah. Hutan yang asal bagaimanapun, telah banyak yang ditebang dan dipotong untuk aktiviti perlombongan. Sebahagian besar tapak projek diliputi oleh tahi lombong timah dari aktiviti perlombongan timah.

Kebanyakan tapak Projek kini dihuni oleh para pekebun secara haram. Penduduk haram ini telah membersihkan kawasan ini untuk tujuan penanaman tanaman seperti tanaman jagung dan keledek. Selain daripada penanaman tanaman, kawasan ini juga terdiri daripada pokok dan pohon yang rendah yang sering ditemui di kawasan yang telah diterangkan.

Tidak terdapat tanah dasar ataupun hutan dara di dalam kawasan tapak cadangan. Tiada flora penting, terancam, spesis endemik flora bernilai pulihhara dan/atau nilai komersial ditemui.

FAUNA TERRESTRIAL

Oleh kerana tiada perangkap atau tinjauan dilakukan, informasi di dalam seksyen ini adalah berpandukan data sekunder dan gambaran pemerhatian secara sembarangan sahaja.

Hidupan mamalia utama yang terdapat di sini adalah haiwan ternakan (seperti lembu, kerbau) dan anjing. Mammalia kecil juga terdapat di sini termasuk tikus (*Rattus rattus*), tikus hutan (*Muridae sp.*) dan tupai (*Sciuridae sp.*).

Spesis kodok dan katak yang biasa juga terdapat di tapak cadangan Projek ini. Walaupun demikian tiada satu pun haiwan ini ditemui. Spesis haiwan yang dijangka kerap ditemui di dalam sungai dan kolam kecil adalah katak tanah bermata merah (*Leptobrachium hendricksoni*), katak kolam Malayan (*R. erythraea*) and katak sungai (*L. laticeps*). Spesis biawak yang biasa terdapat di tapak cadangan Projek ini adalah biawak air yang merupakan spesis haiwan *"Terpelihara"* di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76) 1994 dan tersenarai di dalam Apendiks 2 CITES.

Kawasan tapak Projek ditakrifkan sebagai kawasan kolam perlombongan lama, yang kebanyakannya digunakan sebagai kolam ikan dan kerap menjadi tarikan pelbagai spesis burung untuk hinggap seketika. Kawasan tersebut juga terletak berdekatan dengan *Kinta Nature Park* (Taman Alam Kinta) atau dikenali sebagai *Royal Kinta Wetland* (1.5 km barat dari Tapak Projek) dan banyak terdapat burung-burung dari kawasan lain singgah di situ. Kebanyakan burung yang kelihatan di kawasan Projek ialah burung yang ada hubungan dengan akuatik alam sekitar. Spesis utama yang kelihatan di sini termasuk burung pucung putih, burung pucung kecil, burung paya, burung pasir dan burung white breasted water hens.

Tiada satu pun spesis fauna yang dijangka dan ditemui kecuali biawak air yang boleh dikatakan tidak membahayakan dan terpelihara.

PERSEKITARAN AKUATIK

Pembelajaran akuatik merangkumi ulasan berinformasi sekunder sediada. Tiada tinjauan akuatik di kendalikan sebagai sebahagian dari pembelajaran ini. Data dari Sg. Perak telah digunakan untuk tujuan pembelajaran. Spesis Akuatik flora yang biasa tumbuh subur di dalam atau berdekatan Sg. Perak ialah *Azolla pinrata*, *Marselea prlycarpa*, *Eichornia crasipes*, *Lemna sp*. and *Colocasia esevlenta*. Spesis rheophytes biasa ditemui ialah *Phyllanthus niruri*, *Hononoia riparia*, *Cyperus rotundus* and *Borreria latitolia*. Spesis biasa yang tumbuh subur di kawasan berair di dalam Sg. Perak ialah *Cyprinids sp*. Kebanyakan lombong-lombong yang terbiar di kawasan cadangan tapak Projek digunakan untuk aktiviti ternakan ikan komersial. Spesis ikan yang biasa terdapat di sini ialah tilapia hitam (*Tilapia sp*.), ikan kaloi berkepala besar (*Aristichthys nobilis*) and ikan kaloi berumput (*Ctenopharyngodon idelius*).

5.8 Sosio-ekonomi Sedia Ada dan Populasi

Kinta District adalah daerah yang maju dari segi ekonomi di Perak dan melingkungi lebih kurang 43% penduduk Perak. Terdapat tujuh mukim di bawah bidang kuasa Daerah Kinta (termasuk Bandaraya Ipoh) dan Daerah Kinta mempunyai jumlah penduduk seramai 703, 493. Maklumat sediaada untuk sosioekonomi mikro dan penduduk akan meliputi sehingga 5 km jejari dari tapak Projek yang terletak di Mukim Teja. Zon 5 km ini termasuk sebahagian daripada Mukim Teja, Mukim Kampar dan Mukim Tanjong Tualang.

KAJI SELIDIK SOSIO-EKONOMI

Kajian sosioekonomi dan kesihatan umum (sejumlah 213 responden telah ditinjau) serta perbincangan kumpulan tumpuan utama (*focal group*) telah dijalankan untuk memperolehi maklumat tambahan dan untuk mendapatkan maklum balas penduduk-penduduk mengenai Projek ini. Kampung-kampung yang ditinjau dalam lingkungan jarak yang tetap daripada sempadan Projek adalah seperti berikut:

- <1 km: Kg. Changkat Legong dan sebahagian Kg. Lalang
- 1 ke 3 km: Kg. Changkat Belulang, Kg. Changkat Tualang dan Kg. Kota Bharu.

- 3 ke 5 km: Kg. Bunga Tanjung dan Kawasan Perumahan Awam Malim Nawar.

Majoriti responden adalah berumur di antara 50 ke 69 tahun dan yang berumur lebih daripada 50 tahun meliputi lebih daripada 60% kepala isi rumah bagi kawasan kajian. Perempuan merangkumi 56% jumlah responden, kira-kira 92% responden adalah orang Melayu, diikuti oleh 2% orang Cina dan 6% orang India. Kebanyakan responden mendapat pendidikan rendah atau menengah. Bagi bidang pekerjaan, majoriti responden terdiri masyarakat petani. Keseluruhannya, hampir separuh dari responden menyatakan bahawa mereka memperolehi RM500/bulan dan kurang sedikit daripada satu perempat menunjukkan pendapatan bulanan individu di bawah RM250. Pendapatan bulanan purata adalah RM578.

Manakala bagi responden 'pengetahuan dan tanggapan' Projek, sejumlah 35% pernah mendengar mengenai Projek dan 48% menyetujui Projek diikuti dengan 33% responden yang tidak menyatakan sebarang pendapat mengenai Projek; baki responden menentang cadangan Projek.

PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS

Sejumlah 78 orang menghadiri perbincangan kumpulan fokus yang diadakan di Dewan JKKK Kg Changkat Legong pada 29 April 2008. Mereka yang hadir adalah dari Kg Changkat, Kota Bharu, Kg Lalang, Kg Changkat Tualang, Kg Redang Sawa dan juga bukan penduduk dari Pertubuhan bukan Kerajaan dan parti-parti politik.

Dua isu utama yang dibangkitkan pada dialog umum: (i) potensi impak kesihatan kepada penduduk tempatan, dan (ii) impak kepada aktiviti pertanian dan pembiakan. Persetujuan sebulat suara di antara mereka adalah mereka tidak menghendaki kilang simen dan kuari terletak dalam kawasan mereka.

Maklum balas dari dailog amat berbeza berbanding dengan kaji selidik yang dijalankan sebelum dailog di mana 51% responden yang menguni di dalam kawasan impak 1-km bersetuju dengan projek, terutama disebabkan peluang pekerjaan, pelaburan dan hasil sampingan dari projek.

KAJI SELIDIK KESIHATAN

Status kesihatan sediada komuniti tempatan ditentukan melalui kaji selidik kesihatan dan semakan data sekunder menunjukkan status kesihatan dan keperluan asas penduduk adalah baik. Kebanyakan mereka (82%) mendapat rawatan perubatan dari kemudahan kerajaan.

Penyakit akut yang utama di kalangan ahli keluarga adalah selsema dan batuk dengan kadar prevalens sebanyak 13%. Penyakit kronik utama yang dilapurkan adalah darah tinggi (9.0%), asma (4.0%), diabetes mellitus dan lemah jantung (2.0%) dengan kadar prevalens masing-masing sebanyak 2.4%, 1.1%, 0.6% dan 0.6%. Kadar prevalens ini adalah lebih rendah dari yang dilapurkan di dalam NHMIS II. Analisa data sekunder dari Pejabat Kesihatan Daerah Kinta ditumpukan kepada penyakit yang berkaitrapat dengan pencemaran udara dari dua stesen sentinel dan penyakit bawaan vektor dan bawaan air. Stesen sentinel di KK Menglembu mencatatkan penambahan penyakit jangkitan pernafasan akut dan asma dari 2003 hingga 2005.

5.9 Infrastruktur

Tapak Projek terletak di Kota Bharu, Mukim Teja, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan, di sebelah barat Jalan Gopeng – Batu Gajah (FR1), yang merupakan sebahagian daripada Jalan Persekutuan 1 (FR1). Jalan Negeri A110 adalah bersambung kepada Jalan Gopeng – Batu Gajah (FR1) dan untuk membentuk simpang T. Pada masa kini, Jalan Negeri A110 merupakan jalan yang menyambungkan tapak Projek ke Jalan Gopeng – Batu Gajah.

Analisa keadaan trafik semasa menunjukkan bahawa simpang sediada bagi Jalan Negeri A110/ Jalan Gopeng – Batu Gajah (FR1) beroperasi pada kadar yang memuaskan dengan darjah kesesakan (*degree of saturation*) 0.66 pada waktu sesak pagi dan 0.72 pada waktu sesak petang. Kelewatan keseluruhan pada waktu sesak di simpang adalah kurang daripada 40 saat.

5.10 Utiliti dan Perkhidmatan

Pada masa sekarang, Daerah Kinta di luar Bandaraya Ipoh tidak mempunyai sistem pembetungan pusat yang menyalurkan sisa buangan terus ke loji pengolahan sisa buangan. Tandas curah ada disediakan di kebanyakan kawasan kediaman dan perniagaan dengan tangki septik sebagai sistem pengolahan utama untuk sisa buangan. Untuk sisa pepejal, terdapat tiga kawasan pelupusan yang disediakan untuk perkhidmatan buangan sisa pepejal di Daerah Kinta, di luar Bandaraya Ipoh.

Lebih kurang 95% sumber air paip bersih untuk kawasan ini adalah dibekalkan oleh Lembaga Air Perak. Tenaga elektrik pula dibekalkan oleh Tenaga National Berhad dengan voltej kemasukkan sebanyak 132 kV. Perkhidmatan telekomunikasi di Daerah Kinta kebanyakannya disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad bagi talian tetap serta perkhidmatan internet dan juga beberapa rangkaian mudah-alih (*mobile network*).

6. IMPAK PENILAIAN DAN LANGKAH KAWALAN

6.1 Hakisan Tanah

POTENSI HAKISAN

Projek akan mengganggu satu kawasan tanah yang ketara dalam tapak projek, termasuk pembangunan kilang simen dan infrastruktur berkaitan, serta untuk operasi kuari.

Pada masa ini, sebahagian tapak distabilkan oleh tumbuhan, walaupun pada masa lepas, tanah telah diganggu oleh operasi perlombongan. Bahan permukaan adalah tanah buangan dari operasi pengkuarian lalu dan telah tertimbun tanpa pelan hakisan atau langkah-langkah pengawalan untuk mengawal dan memerangkap hakisan permukaan dan larian. Dengan itu, hakisan sebelum terdapatnya tumbuhan masa kini telahpun berlaku.

Kurangnya perbezaan dalam ketinggian dan gangguan permukaan awal, telah dipastikan model hakisan tanah tidak diperlukan, dengan hakisan permukaan boleh dianggap minima. Walaupun larian

permukaan akan bertambah semasa fasa pembinaan dan operasi, perparitan dalam tapak asasnya terarah ke kolam sediada dan potensi hakisan mempengaruhi kawasan luar tapak dianggap rendah.

LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN

Walaupun potensi untuk hakisan permukaan ketara dianggap rendah, langkah-langkah pengawalan yang boleh digunapakai bagi memastikan bahawa hakisan tanah dihadkan termasuklah:

- mengelakkan menerangkan tanaman sediada;
- membenarkan kewujudan tanaman di kawasan tidak digunakan/diganggu, termasuk tanaman semula;
- mengelakkan pemotongan cerun curam; dan
- menstabilkan cerun jika perlu untuk mengurangkan hakisan bahan-bahan permukaan.
- di kawasan terdedah dan terbuka tidak dapat ditanam semula, bahan permukaan dimampatkan.

6.2 Saliran Dan Banjir

Projek ini dijangkakan akan meningkatkan isipadu air larian permukaan semasa fasa pembinaan dan operasi. Semasa fasa pembinaan, pemindahan tumbuh-tumbuhan di permukaan akan mengurangkan keupayaan menghadang dan resapan air larian di dalam kawasan tapak. Pada fasa operasi pula, air di dalam kolam akan dikeringkan dan disalurkan ke kolam yang lain sebelum kuari batu kapur pada bawah permukaan. Risiko banjir mungkin berlaku jika air saliran kembali dan air larian daripada pembangunan ini disalurkan ke sungai tanpa kawalan. Juga, pelepasan air tercemar dari kawasan pelan ke kawasan kolam tadahan dan seterusnya kesannya kepada kualiti air di hilir. Langkah-langkah penebatan yang berkaitan termasuk:

- Membangunkan pelan pengurusan air larian
- Menstabilkan kawasan tebing sebelum operasi

6.3 Pencemaran Air

FASA PEMBINAAN

Punca utama impak kepada kualiti air adalah dari bahan pencemar air larian yang mungkin akan mengalir terus ke sungai penerima. Air sisa daripada kawasan fasiliti sementara dan air daripada servis pelan juga mungkin tercemar dan mempunyai potensi disalirkan ke permukaan air sekiranya tidak ditadah. Pembinaan kolam tadahan akan mengalirkan air larian tapak ke sini sebelum disalirkan ke Sg. Teja. Ianya adalah mencukupi untuk mengurangkan kesan buruk kepada kualiti air sekiranya direka, beroperasi dan dijaga dengan baik.

Proses pengasingan dan pengeringan kolam mungkin akan menyebabkan tebing sungai runtuh disebabkan oleh tekanan air. Juga, terdapat potensi gumpalan sisa terampai daripada proses pengeringan di kawasan kuari dengan sisa dari pembinaan pelan simen dan fasiliti lain di hilir.

Langkah-langkah penebatan untuk mengawal pencemaran air semasa fasa pembinaan termasuk:

- Menyediakan tandas mudah alih di kawasan tapak dan teluk pembasuhan kenderaan di kawasan keluar dari tapak, atau di mana praktikal.
- Tangki minyak dan kawasan penstoran bahan kimia hendaklah di dalam kawasan tertutup dan dikelilingi oleh tebing yang bersamaan dengan 110% kapasiti tangki terbesar.
- Tebing hendaklah dibina sebelum proses pengeringan dimulakan.

FASA OPERASI

Produksi simen Portland Am mengadaptasi proses kering, maka keperluan air adalah minima dan; isipadu air sisa juga dijangkakan tidak signifikan. Imbangan jisim mununjukkan bahawa operasi pelan tidak akan menyebabkan kesan buruk kepada kualiti air Sg. Teja, walaupun pada situasi paling buruk. Potensi impak adalah air limpah dari kolam tadahan dan tangki septik. Walaubagaimanapun, kolam tadahan dan tangki septik ini direka untuk memenuhi keperluan maka adalah tidak mungkin untuk melimpah.

Kaedah kuari bawah permukaan ini tidak mempunyai impak buruk kepada kualiti air. Ini adalah disebabkan oleh kawasan tapak kuari yang rendah dan air yang terdapat di dalam lubang akan dikumpulkan ke dalam takungan yang terletak di lokasi paling rendah di tapak kuari dan kemudiannya akan dipam keluar.

Langkah-langkah penebatan untuk mengawal pencemaran air semasa fasa operasi termasuk:

- Sistem edaran air penyejukan hendaklah sentiasa dijaga.
- Tangki septik hendaklah diperiksa dan sentiasa dibersihkan untuk memastikan keberkesanannya.
- Kawasan penyetoran untuk minyak/bahan kimia akan dikelilingi oleh tebing dengan kapasiti bersamaan dengan 110% kapasiti penyetoran tangki terbesar untuk mengelakkan tumpahan.
- Mengukuhkan tebing sebelum proses pengeringan. Pam air di Pond 1 hendaklah sentiasa dijaga.
- Memindahkan bahan yang terdapat di sekeliling kolam untuk dilupuskan atau digunakan sebagai pengisian dan perataan. Kawasan tebing hendaklah dilitupi rumput untuk mengelakkan hakisan.

6.4 Pencemaran Udara

Pencemaran udara adalah lebih ketara ketika kilang dan kuari mula beroperasi disebabkan kesan jangka panjangnya.

SEMASA TEMPOH PEMBINAAN

Semasa aktiviti pembinaan dijalankan, habuk merupakan pencemar utama. Habuk terhasil dari aktiviti seperti penerangan tanah, pergerakan kenderaan dan aktiviti pembinaan lain. Untuk mengawal pelepasan habuk larian semasa pembinaan, amalan kerja baik harus dipraktikkan untuk mengurangkan penghasilan habuk dalam tempoh ini.

SEMASA PERINGKAT PENGOPERASIAN

Dijangkakan pelepasan sumber titik memberi impak yang lebih kepada persekitaran berbanding dengan pelepasan setempat. Pelepasan setempat adalah berpunca dari faktor seperti letupan batuan, pengangkutan bahan mentah dan hasil, penyelenggaraan dan penghancuran batu kapur, pemindahan bahan mentah termasuk muatan dan nyah muatan dan semasa pembungkusan hasil.

Empat cerobong utama adalah pelepasan dari *Cyclone Suspension Preheater Exhaust* dan *Clinker Cooler Kiln Exhaust* (untuk dua jaringan proses). Bahan pencemar utama dikenalpasti sebagai Jumlah Pepejal Terampai seperti TSP dan PM_{10} serta gas pembakaran seperti Oksida Nitrogen (NO_x) dan Sulfur Dioksida (SO_2) semasa pembuatan simen.

Juga dikenalpasti bahawa habuk setempat akan dihasilkan dari aktiviti peletupan, kerana cadangan pembinaan fasiliti adalah termasuk operasi kuari batu kapur.

PERMODELAN PENYERAKAN PENCEMAR UDARA

Permodelan penyebaran semasa operasi kilang dilakukan untuk menjangka penyumbangan pencemar ke atmosfera bagi situasi yang tersenarai:

a) Maksima purata 24-jam dan tahunan kepekatan TSP dan PM_{10};

b) Maksima purata 1-jam dan 24-jam kepekatan NO_2;

c) Maksima purata 1-jam and 24-jam kepekatan SO_2; and

d) Maksima purata tahunan kepekatan logam berat untuk As, Cd, Cr, Cu, Hg, Pb dan Zn dan purata bulanan untuk Pb.

Untuk situasi tidak terkawal, yang menekankan kegagalan operasi alat kawalan pencemaran udara pada *cyclone suspension preheater* atau *kiln cooler*, ramalan TSP dan PM_{10} untuk maksima 1-jam kepekatan telah dilakukan. Permodelan ini telah dijalankan menggunakan model kualiti udara USEPA ISCST3.

Untuk aktiviti peletupan, model USEPA PUFF; sub model kepada TSCREEN telah digunakan untuk meramal penyerakan habuk.

HASIL PERMODELAN

Hasil permodelan untuk pelepasan cerobong dari cadangan fasiliti semasa operasi secara normal menunjukkan kepekatan paras tanah untuk kesemua pencemar yang dimodel adalah dalam piawaian udara ambien yang disyorkan dan tidak dijangka mengundang impak ketara kepada penduduk di sekitarnya. Untuk aktiviti peletupan, adalah diramalkan bahawa habuk yang terhasil akan berada di kawasan kuari sebagaimana aktiviti ini dijalankan di paras bawah tanah.

LANGKAH KAWALAN

Pemaju Projek hendaklah memastikan bahawa alat kawalan kualiti udara berfungsi dengan baik dan sempurna pada setiap masa dan cadangan fasiliti haruslah menguatkuasakan program operasi dan pembaikpulih alat kawalan untuk mengurangkan kegagalan sistem.

Pekerja di kawasan peletupan harus dibekalkan dengan PPE (*Personal Protection Equipment*). Untuk kawalan jangka panjang, pokok yang sesuai boleh ditanam di sepanjang kawasan Projek. Penghasilan habuk dari pengangkutan di kawasan kuari boleh dikawal melalui penguatkuasaan had laju di kawasan Projek. Selain itu, kawasan Projek boleh dilembapkan/ dibasahkan menggunakan *spray bars*, salur paip ataupun lori air.

6.5 Bunyi Bising dan Semburan Udara

Pekerja dalam tapak Projek dijangka terdedah kepada jumlah ketara bunyi pekerjaan tahap tinggi tetapi impaknya adalah sederhana tinggi memandangkan jangkaan paras bunyi adalah dalam paras dibenarkan dan langkah-langkah pengawalan akan diambil untuk mengurangkan paras bunyi dan memastikan keselamatan pekerja.

Bagi kawasan petempatan yang terletak dalam lingkungan 5 km dari sempadan tapak Projek, dijangkakan fasa pembinaan dan operasi kilang simen tidak akan menyebabkan impak ketara kepada mereka dan paras gangguan adalah dalam kategori impak ‘tiada kepada sedikit’. Adalah juga dijangka scenario sebenar untuk aktiviti letupan, yang akan dijalankan di paras bawah permukaan, impak semburan udara dan bunyi impulsif semasa operasi kuari akan mendatangkan impak ‘sederhana kepada kuat’ kepada petempatan berhampiran di Kg. Changkat Legong akibat kesan jangka pendek bunyi impulsif setelah pengurangan oleh penampan semulajadi.

KESIMPULAN

Jangkaan bunyi semasa operasi Projek menunjukkan peningkatan keseluruhan bunyi dari Projek tidak akan melebihi 4 dB(A) dan paras bunyi impulsif serta semburan udaraa yang dijangkakan akan berada dalam paras dibenarkan.

LANGKAH KAWALAN

Langkah-langkah kawalan perlu diambil untuk mengawal kesan bunyi bising dan meminimumkan paras bunyi kepada pendengar semasa fasa operasi Projek. Ini termasuk langkah pengurusan untuk mengawal jangkamasa pembinaan dan operasi, penyelengaraan mesin dan peralatan dan

menggunakan peralatan rendah bunyinya. Ia adalah mustahak untuk memastikan operator kilang simen dan pekerja-pekerja yang lain untuk menggunakan peralatan keselamatan peribadi dalam bentuk alat perlindungan pendengaran dalam kilang simen atau tapak kuari, terutamanya kawasan yang dijangkakan mempunyai paras bunyi melebihi 90 dB(A). Suatu Program Perlindungan Pendengaran yang disarankan oleh Jabatan Kilang dan Jentera harus diadakan untuk semua peringkat pengurusan yang dikenalpasti terlibat di kawasan Projek yang mengalami paras bunyi melebihi 85 dB(A).

6.6 Kuari, Letupan Batu Dan Impak Gegaran

Batu terbang disebabkan terutamanya oleh letupan tidak dirancang atau dijaga dengan rapi. Oleh itu perkara penting yang perlu diambilkira adalah caj spesifik diameter lubang gerudi maksimum, berdasarkan kuantum faktor serbuk, adalah caj spesifik 0.37 kg/m^3. Oleh itu, berdasarkan pemodelan bahaya batu terbang, pelepasan batu terbang maksimum adalah dalam julat 250 ke 350 m. Memandangkan jalanraya dan kampung terletak kira-kira 1.5 km dari tapak letupan, orang awam adalah selamat dari masalah batu terbang, tetapi langkah-langkah kawalan dan operasi letupan yang berhemat akan digunapakai.

Bagi operasi kuari, struktur terdekat yang perlu diambil perhatian untuk kauri ini adalah jalanraya, yang terletak 700 m dari kawasan bukaan permukaan kuari. Jangkaan paras getaran bunyi untuk jarak ini adalah kira-kira 0.73 mm/s, iaitu di bawah paras getaran bunyi dibenarkan 5.0 mm/s yang dihasilkan oleh *Malaysian Mining Department* atau paras dibenarkan yang dikeluarkan oleh JAS.

LANGKAH KAWALAN

Di tapak kuari, beberapa kawalan dicadangkan supaya diambil termasuklah, operasi letupan dijalankan oleh operator berkelayakan; kakitangan dilengkapi dengan kasut keselamatan, topi keselamatan, mafela telinga dan penutup mulut; program latihan keselamatan dijalankan; kakitangan tidak berkuasa tidak dibenarkan berada di muka kuari; pemeriksaan berkala kuari; bahan letupan hanya boleh dikendalikan oleh kakitangan dibenarkan; merokok tidak dibenarkan; perlu ada arahan sebelum letupan, tiada tembakan dan simpanan selamat bahan letupan; siren dihidup dan dimatikan tiga kali sebelum letupan dan tiada kemasukan segera ke kawasan yang diletupkan dibenarkan selepas setengah jam kecuali untuk pemeriksaan tembakan.

6.7 Penilaian Risiko Kuantitatif

Penilaian kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan ke atas risiko yang berkaitan dengan Projek yang dicadangkan dengan risiko utama yang mempunyai impak ke atas alam sekeliling ini adalah berkaitan dengan bahaya kebakaran daripada tangki penstoran diesel, kebarakaran arang di kawasan penstoran dan kawasan pengisar arang.

PENILAIAN KUANTITATIF

Peristiwa berbahaya yang dimodel ialah kolam kebakaran untuk diesel. Keputusan yang diperolehi daripada jangkaan frekuensi dan analisis konsekuen diintegrasikan untuk menghasilkan kontor risiko bagi perbandingan dengan kriteria yang dicadangkan di Malaysia.

Zon-zon radiasi yang dimodel daripada pelepasan kemalangan bagi diesel tidak menjangkaui sempadan tapak. Kontor iso-risiko sepadan dengan kriteria penerimaan risiko bagi kawasan perindustrian berdekatan iaitu $1x10^{-5}$ kematian/orang/tahun dan bagi kawasan perumahan berdekatan iaitu $1x10^{-6}$ kematian/orang/tahun, turut dijangka tidak mempunyai impak signifikan (memandangkan ia berada di dalam kriteria yang boleh diterimapakai).

PENILAIAN KUALITATIF

a) Kawasan penstoran arang

Salah satu bahaya yang kerap terjadi disebabkan arang ialah pembakaran spontan akibat daripada keupayaan arang bertindak balas dengan oksigen di udara yang terdapat dalam timbunan arang. “Titik panas” mudah terbentuk apabila arang menyerap oksigen dari udara berikutan dengan cara arang tersebut disimpan ataupun diletakkan di kawasan penstoran. Peningkatan haba berlebihan dalam timbunan arang merupakan sebab kebiasaan punca kebakaran arang di kawasan simpanannya.

Namun demikian, kebarangkalian untuk berlakunya pembakaran spontan arang sebagaimana di kawasan penstoran yang dibincangkan adalah amat jarang dan tidak timbul berikutan arang di sini merupakan penggunaan akhir di dalam industri simen and bukannya baru digali. Selain itu, penggunaan arang pangkat tinggi oleh Penggerak Projek dengan ketara membendung potensi berlakunya “titik panas” di kawasan penstoran sementara jangkasama penstoran yang singkat antara 6 – 10 hari bertindak sebagai satu lagi faedah. Arang juga disimpan secara serakan dalam lapisan mendatar dan bertimbun untuk memastikan pengudaraan yang berkesan dalam penyebaran haba atau dipek padat untuk mengurangkan laluan udara ke lapisan-lapisan bawah.

b) Bahaya debu arang

Bahaya letupan utama bagi unit pengisar arang adalah berkaitan dengan penutupan tidak sengaja dan penutupan kecemasan. Penutupan tersebut mungkin disebabkan oleh kegagalan kuasa, kegagalan sistem kipas, penutupan tanur berputar dan lain-lain di mana secara langusng memaksa operasi pengisar arang berhenti secara keseluruhan. Sekiranya pengisar arang dihidupkan kembali tanpa menyedari bahawa berlakunya kebakaran di dalam unit tersebut, kelima-lima elemen letupan akan lengkap (i.e. bahan api, haba, oksigen, pengampaian, pengurungan) dan letupan akan pasti berlaku apabila partikel arang yang panas terbakar diampaikan oleh gerakan putaran di dalam ruangan terkurung di dalam pengisar apabila sistem tersebut dihidupkan.

Letupan debu dapat dielakkan dengan penyingkiran salah satu kriteria letupan, langkah-langkah yang secukupnya perlu diambil untuk menghadkan magnitud letupan kepada tahap yang boleh

diterimapakai dengan adaptasi teknologi. Strategi pencegahan i.e. proses lengaian dan pemantauan CO, adalah utama ditujukan dalam penyingkiran kriteria letupan bagi pengumpulan O_2 dan sumber penyalaan.

Kebanyakan kemalangan industri adalah disebabkan kesilapan manusia ataupun kecuaian operasi dan penyelenggaraan kilang. Langkah-langkah pencegahan merupakan cara yang berkesan untuk mengurangkan kemalangan. Antara langkah-langkan yang akan diterima pakai untuk Projek ini termasuk mengamati dan mematuhi dengan tegas segala perintah dan peraturan, perlaksanaan prosedur keselamatan yang ditetapkan, penyelenggaraan kilang secara tetap dan efektif, serta pembelajaran dan latihan berterusan berkenaan langkah-langkah tersebut.

6.8 Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan

Keselamatan pekerja dan persekitaran perlu dijaga dan diberi perhatian agar tidak terjadi perkara yang tidak diingini akibat kecuaian kerana terdapat pelbagai bahan berbahaya yang sedang beroperasi ketika kerja sedang dijalankan. Pada peringkat operasi, pekerja berkemungkinan terdedah kepada risiko bahaya ke atas keselamatan dan kesihatan mereka.

Satu salinan MSDS digalakkan disimpan berhampiran dengan bahan berbahaya tersebut agar pekerja yang terdedah berupaya menyemak MSDS tersebut. Ciri-ciri kimia dan ketoksikan elemen utama di dalam sisa adalah sebagaimana yang ditunjukkan di dalam MSDS masing-masing.

Menerima pakai prosedur keselamatan akan dititikberatkan untuk kesemua aktiviti yang berlangsung dalam pembinaan dan juga operasi kilang. Kesemua pekerja sepatutnya dilatih untuk memastikan mereka sentiasa berwaspada dan berupaya menjalankan kerja mereka dengan berkesan dalam cara yang selamat, dan bersedia untuk respon terhadap sebarang kecemasan. Dengan ini, tapak Projek mempunyai satu set Pelan Tindakan Kecemasan yang menggariskan prosedur yang perlu dipatuhi apabila berlakunya kecemasan.

6.9 Sisa Pepejal Dan Buangan Terjadual

Sisa pepejal yang terhasil semasa fasa pembinaan adalah merupakan tanah beban dan sisa pembinaan manakala kuantiti kecil sisa makanan juga dijangka daripada tenaga kerja yang tinggal di tapak pembinaan. Bilangan kecil buangan terjadual juga dijangka daripada penyelenggaraan mesin/kenderaan dan akan dikendalikan serta diuruskan mengikut Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) Peraturan, 2005.

Amaun signifikan sisa pepejal akan terhasil daripada pejabat/kantin sementara itu buangan terjadual dijangka terhasil daripada operasi dan penyelenggaraan loji. Dijangka sebanyak 22 ke 28 MT sisa pepejal akan terhasil setiap hari oleh loji. Sisa tersebut akan dikutip setiap hari oleh kontraktor untuk dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan. Kuantiti buangan terjadual yang dijangka terhasil adalah antara 2.5 ke 3.5 MT setiap hari dan akan dikutip oleh pihak pulihsemula berlesen yang diluluskan oleh DOE atau dihantar ke Kualiti Alam untuk pelupusan terakhir.

Tiada impak residual dijangka terhasil daripada pembinaan dan operasi Projek yang dicadangkan.

6.10 Impak Ekologi

FLORA TERRESTRIAL

Kesan sampingan yang paling ketara mengenai Projek ini merupakan pembuangan tumbuh-tumbuhan yang melitupi seluruh kawasan tapak Projek serta jalan keluar-masuk yang berkaitan dan kawasan kegunaannya. Tiada flora bernilai komersial yang utama atau spesis yang terancam terdapat di kawasan Projek. Sehubungan itu, kesan mengenai tumbuhan flora yang terhasil dari pelaksanaan Projek ini adalah sangat kecil.

Semasa operasi Projek, kesan yang utama adalah dalam bentuk habuk yang dibebaskan oleh kemudaham-kemudahan. Terdapat tiga laluan untuk kesan ke atas flora, iaitu:

- Terus bermendap di permukaan daun;
- Dibawa masuk ke dalam tisu daun dan/atau menghalang stomata daun; dan
- Kesan tidak langsung disebabkan pemendapan habuk pada *subtrates* (misalnya tanah).

Habuk simen yang tinggi tahap tinggi akan menyebabkan kesan negatif langsung dan tidak langsung kepada flora di sekeliling kemudahan-kemudahan. Akan tetapi, hasil permodelan udara menunjukkan tahap perlepasan habuk simen yang sangat rendah daripada kenudahan-kemudahan ini. Berdasarkan kepada hasil permodelan udara (rujuk Bahagian 8.4), tahap habuk yang dilepaskan adalah jauh di bawah paiawaian kualiti udara Malaysia. Dengan itu, kesan ke atas flora disebabkan oleh operasi aktiviti Projek ini adalah kecil asalkan langkah-langkah tebatan yang sepatutnya dilaksanakan.

FAUNA TERRESTRIAL

Pelaksanaan terhadap Projek mengakibatkan kehilangan habitat setempat bagi amfibia, reptilian, haiwan-haiwan kecil dan burung-burung. Walau bagaimanapun, tapak cadangan didapati mempunyai ketinggian habitat yang rendah sejajar dengan aktiviti perlombongan dahulu dan penanaman tanaman. Langkah-langkah pencegahan seperti yang dicadangkan hendaklah efektif dan kesan mengenai hidupan fauna dari pelaksanaan Projek ini adalah dipandang kecil.

Langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan serta-merta adalah seperti berikut:

- Pembasmian hutan ie. Kerja-kerja pembersihan hendaklah dijalankan berperingkat.
- Perangkap mendap dan takungan kolam hendaklah dibina untuk memastikan bahawa pengaliran air tidak mencemarkan kawasan sekitar sungai
- Sisa produk dan makanan hendaklah dibuang di sekitar kawasan hutan. Bahan kimia, cecair dan bahan bukan organik terbuang termasuk minyak dan bahan api hendaklah dibuang dan dilupuskan dengan cara yang sesuai di lokasi yang tertutup.
- Jalan keluar-masuk ke kawasan hendaklah dikawal ketat; dan

- Pengawasan yang teliti bagi para pekerja untuk memastikan tiada pemburuan haram ke atas haiwan buruan.

PERSEKITARAN AKUATIK

Kolam-kolam di tapak Projek akan menjadi kering. Ini akan menyebabkan kerosakan habitat setempat bagi akuatik flora dan fauna. Kini, kebanyakan kolam telah digunakan untuk aktiviti akuakultur iaitu penternakan ikan. Tidak membahayakan dan/atau pemuliharaan akuatik flora dan fauna diawasi dan/atau dilaporkan ke tapak Projek.

Langkah pencegahan untuk persekitaran akuatik yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kerja pengeringan kolam hendaklah dilakukan berperingkat untuk membolehkan banyak spesis yang bergerak beralih tempat;
- Hanya rumput-rampai yang dibenarkan sahaja hendaklah digunakan untuk tujuan pembersihan tanaman dan tumbuhan;
- Pembersihan tanaman dan tumbuhan hendaklah mengikut perancangan rapi dan dasar penyusunan untuk mencegah hakisan dan pencemaran aliran air;
- Sisa buangan hijau dinasihatkan disungkup dan diputarkan ke atas tanah. Pembakaran terbuka tidak dibenarkan sama sekali; dan
- Langkah-langkah yang sewajarnya hendaklah diambil untuk memastikan pemendapan dan pembuangan sejajar tidak berlaku semasa pembersihan tanah dilakukan.

6.11 Keserasian Guna Tanah

Keserasian guna tanah Projek dikaji dari segi impak kepada guna tanah sekitar, kesan-kesannya kepada potensi pembangunan tanah di dalam zon impak pada masa hadapan, dan terdapatnya satu penampan efektif di antara tapak projek dan kawasan perumahan sekeliling.

Bagi isu alam sekitar, kajian menunjukkan tiada impak ketara dari pencemaran udara atau pencemaran air.

Dari segi pematuhan kepada pelan pengezonan untuk kawasan, percanggahan dikesan dalam hasil kajian dan syor-syor Draf Rancangan Tempatan Daerah Kinta, 2002 – 2015. Hasil kajian Rancangan Tempatan adalah umumnya kawasan tersebut tidak sesuai untuk perumahan disebabkan keadaan tanahnya kurang baik, lebihan bekalan dan permintaan perumahan yang rendah, dan permohonan baru pembangunan perumahan perlu dinilai dengan teliti untuk mengelakkan penggunaan tanah yang tidak cekap dan berkesan. Rancangan Tempatan dan pelan pengezonan adalah dinamik, berjangka-pendek dan akan disemak secara berkala. Sebaliknya, hakmilik tanah dan syarat-syarat nyata dilampirkan kepada tapak Projek, adalah dokumen sah dan diluluskan oleh Pejabat Tanah untuk tujuan spesifik, dan oleh itu, tidak boleh diatasi oleh pelan pengezonan.

Permohonan untuk kebenaran merancang membangunkan tapak Projek mengikut pemberian kuasa hak milik tanah telah diserahkan kepada Pejabat Perancang Negeri untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk kelulusan.

Sebagai langkah-langkah penebatan, dicadangkan bahawa Pemaju Projek berjumpa dengan kerajaan Negeri untuk memulakan rancangan membangunkan sebuah taman perindustrian berkaitan simen bersepadu dalam zon impak 1-km. Selain peluang ekonomi dan perangsang yang boleh dihasilkan, tapak perindustrian cukup ekstensif sebagai penampan efektif di antara kuari dan operasi pembuatan simen di tapak projek dan aktiviti pertanian sekitar dan petempatan.

6.12 Impak Trafik

Analisa traffik dijalankan berdasarkan kapasity kilang simen sebanyak 10000 ton/tahun, jumlah pekerja samasa fasa pembinaan dan operasi yang dijangkakan seramai 500 dan 402 orang masing-masing.

Jumlah kenderaan semasa fasa pembinaan adalah dijangkakan rendah (iaitu kurang daripada 150 PCU/jam), maka ia tidak akan menyebabkan impak yang ketara terhadap pencapaian jaringan jalanraya di sekitar kawasan Projek. Bagi analisa semasa fasa operasi, keputusan muatan jalan menunjukkan bahawa Jalan Negeri A110 dan Jalan Gopeng – Batu Gajah (FR1) dijangkakan beroperasi dengan memuaskan. Keputusan keputusan analisa simpang turut menunjukkan bahawa Simpang Jalan Negeri A110 / Jalan Gopeng – Batu Gajah (FR1) akan beroperasi dengan memuaskan. Daripada aspek muatan jalan, Jalan Negeri A110 adalah berupaya untuk menampung tambahan traffik yang berasal daripada Projek apabila ia selesai dibina dan beroperasi.

6.13 Impak Kesihatan

Potensi kesan kesihatan dinilai menggunakan kaedah risiko penilaian kesihatan. Pencemar utama PM_{10}, NO_2 dan SO_2 dan logam berat adalah hazad utama yang diambilberat. Inhalasi merupakan jalan pendedahan utama pencemar tesebut. Kepekatan PM10, NO_2 and SO_2 yang dijangkakan pada semua kawasan reseptor berada di dalam nilai rujukan kesihatan. Ini menunjukkan kesihatan penduduk terlibat termasuk kumpulan sensitif tidak akan dijejaskan dari pencemaran tersebut.

Indeks hazad untuk emisi kadmium, arsenik, kromium, mercuri didapati kurang dari 1 menunjukkan logam berat ini tidak akan memberi risiko sistem kesihatan kepada penduduk terlibat. Pengiraan risiko sepanjang hayat kanser adalah di bawah tahap risiko yang diterima secara universal iaitu 1 X 10^{-6}. Langkah kawalan yang sempurna untuk mengawal pencemaran boleh memastikan risiko kesihatan ke atas penduduk diminimakan. Surveilans kesihatan dari dua stesen sentinel di kawasan tersebut boleh memberi pengawasan kepada impak kesihatan dari cadangan pembangunan ini. Data penyakit kardiovaskular perlu dimasukkan ke dalam stesen sentnel untuk memberi liputan dan lapuran yang lebih baik ke atas kumpulan sensitif di dalam kawasan terlibat.

6.14 Impak Sosio-Ekonomik

Satu kaji selidik sosial dan pendapat serta perbincangan kumpulan fokus dijalankan dengan penduduk dan petani dalam zon impak 5-km untuk memperolehi maklum balas berkenaan projek. Lebih daripada 50% penduduk tiada bantahan terhadap projek memandangkan terdapat peluang pekerjaan, penghasilan pendapatan yang lebih baik dan kesan hasil sampingan kepada industri lain. Sebaliknya pula, kekhuatiran utama adalah berkaitan kesihatan dan keselamatan awam.

Satu penilaian faedah ekonomi menggunakan pengganda dihasilkan dari jadual input-output yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan Projek berupaya menjana kesan aliran yang besar untuk industri lain dan gaji dan pendapatan. Pelaburan modal dalam kilang berjumlah sehingga RM 950 juta, kesan pengganda mencadangkan kilang berupaya menjana kira-kira RM 1,600 juta semasa fasa pembinaan. Memandangkan Pemaju adalah syarikat tempatan yang kukuh, Projek dijangka memaksimakan kandungan setempat dan dengan itu impak setempat. Impak akhir terhadap gaji dan pendapatan untuk tempoh 10-tahun dijangka pada RM 194 juta selepas impak tidak langsung mengalir melalui sektor lain membekal barangan dan perkhidmatan kepada pembinaan dan operasi projek. Ini berdasarkan anggaran komponen gaji dan pendapatan component RM 74 juta untuk pembinaan dan operasi sepanjang tempoh tersebut. Selain daripada pendapatan dan kesan hasil sampingan semasa peringkat pembinaan, Projek juga dijangka menjana sekurang-kurangnya RM4 juta setiap tahun dalam bentuk royalti kepada kerajaan negeri untuk operasi kuari batu kapur.

Penilaian impak kesihatan menunjukkan Projek tidak dijangka menghadapi sebarang impak kesihatan buruk terhadap penduduk. Oleh itu, satu analisis kos-faedah alam sekitar adalah tidak diperlukan.

Umumnya, Projek akan mempunyai impak sosio ekonomi positif kepada komuniti setempat dan ekonomi. Pada masa ini, aktiviti ekonomi dalam kawasan terbantut disebabkan kurangnya peluang pekerjaan dan ekonomi. Projek akan secara terus mempengaruhi industri berkaitan hulu dan hilir projek, mencipta peluang pekerjaan dan menyerap wang pelaburan ke rantau ini. Dengan itu, Projek akan mempunyai impak tinggalan sosio-ekonomi positif jangka panjang.

7. PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Teras utama bagi pengurusan alam sekitar adalah mempunyai Penggerak Projek yang komited dan bertangguingjawap. Hume Cement Sdn. Bhd. mempunyai penyataan polisi korporat mengenai keselamatan, kesihatan dan alam sekitar. Polisi ini menyatakan bahawa kerja perlu dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan penekanan ke atas kesihatan dan keselamatan perkejaan adalah suatu keperluan bagi semua operasi yang dijalankan oleh syarikat ini. Projek ini akan dilaksanakan sehubungan dan mematuhi kesemua undang-undang dan piawaian berkaitan alam sekitar. Syarikat ini turut memerlukan komimen sedemikian daripada semua pihak yang terlibat dengan Projek ini, termasuk kontraktor dan jururunding, untuk memastikan Projk ini tidak menyebabkan kesan-kesan buruk, dan mengambil amalan serta perlakuan kerja yang baik terhadap alam sekitar. Tambahan lagi,

syarikat ini adalah komited untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk semua pekerja yang terlibat dengan Projek ini.

Pelan Pengurusan Alam Sekitar yang komprehensif akan disediakan setelah DEIA diluluskan, sebelum Projek dilaksanakan. EMP ini akan menyatakan program pengawasan alam sekitar yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan langkah-langkah tebatan yang diambil dan untuk mengawasi perubahan ke atas persekitaran biologi, kimia, fisikal dan sosial, jika perlu.

Berdasakan kepada aktiviti untuk Projek ini dan kesan-kesan ynag nubgkin timbul, suatu program pengawasan alam sekitar adalah disarankan untuk DEIA ini.

8. IMPAK TINGGALAN

Penilaian impak yang dijalankan menunjukkan bahawa sekiranya kesan yang berkaitan dengan Projek diuruskan dengan sebaiknya, kebanyakan risiko alam sekitar dikawal kepada paras yang dibenarkan. Akan tetapi, masih terdapat impak tinggalan yang mana masih kekal selepas langkah-langkah kawalan diambil. Secara amnya, tiada impak tinggalan dijangkakan ketika pembinaan Projek.

Semasa fasa operasi, impak tinggalan dalam konteks saliran dan banjir, pencemaran air dan pencemaran udara adalah minima dan dianggap tidak ketara. Bagi impak ekologi, tiada spesis yang jarang, diancam dan dilindungi dijumpai di tapak Projek. Spesis yang dijumpai merupakan spesis lazim maka, impak ini dianggap kecil sahaja.

Kesihatan komuniti setempat dijangka tidak dipengaruhi oleh pencemar udara yang dilepaskan dari cadangan kuari dan kilang simen. Hasil kajian juga menunjukkan pencemar udara tidak menyebabkan sebarang risiko kesihatan sistemik, juga tidak menyebabkan risiko barah kepada penduduk di kawasan yang terlibat.

Impak tinggalan yang timbul akibat daripada operasi kuari pula akan meliputi masalah habuk dan bunyi bising ketika aktiviti letupan dijalankan. Walaupun inin merupakan kesan jangka panjang, kesan ini adalah tidak penting kerana jarak penerima sensitif yang berada di sekurang-kurangnya 700 m dari sempadan kawasan Projek dan operasi kuari yang akan dijalankan pada paras bawah permukaan.

Impak tinggalan yang lain termasuk persengketaan sosial di antara Pemaju Projek dan petani yang disebabkan oleh notis pindah-keluar dari tapak. Untuk jangka panjang, komuniti di sekitar Projek akan terdedah kepada tekanan psikologi secara tidak langsung yang disebabkan oleh peningkatan bilangan kenderaan berat dan ringan dari tapak Projek, walaupun impak keseluruhan tidak ketara.

Adalah disyorkan bahawa tanah yang mengelilingi tapak Projek dizonkan untuk kegunaan yang sesuai bagi memastikan pembangunan akan datang dirancang dengan teratur dan dikawal dan tidak menimbulkan isu ketidaksesuaian.

Sebaliknya, terdapat impak sosio-ekonomi hasil sampingan terhadap petempatan dan pekan berhampiran. Ini adalah impak positif di mana Projek secara tidak langsung merangsang

pertumbuhan ekonomi perlahan di sekitar tapak Projek. Dalam aspek makro, Projek dijangka memberi faedah kepada industri hulu dan hilir yang berkaitan dan mencipta peluang pekerjaan yang secara tidak langsung membantu menangani isu migrasi keluar wilayah. Projek juga dijangka menyeduk tidak kurang RM100 juta dalam bentuk gaji untuk pekerja dan royalti untuk pengkuarian kepada ekonomi negeri untuk 10 tahun pertama.

Jangkaan isu dan jangkaan langkah kawalan diringkaskan dalam Jadual 8.1.

9. KESIMPULAN

Cadangan Projek dijangka menghasilkan potensi impak persekitaran dan komuniti setempat. Keputusan penilaian terperinci ini menunjukkan bahawa jangkaan impak alam sekitar adalah dalam paras diterima dan tidak dijangka mempunyai impak tinggalan jangka panjang ketara. Hasil kajian DEIA menyokong pembangunan dan operasi kuari dan kilang simen dengan syarat kesemua langkah tebatan dan kawalan yang dikenalpasti dalam kajian ini dilaksana sepenuhnya untuk Projek.